

Parit sumbat punca bah

Penduduk bimbang hujan lebat tak menentu dengan longkang penuh semak-samun sekat laluan air ke sungai

>>Oleh Muhammad Hatim
Ab Manan
am@metro.com.my

ALOR GAJAH: Hujan lebat dan cuaca tidak menentu kebelakangan ini membimbangkan penduduk Kampung Panchor, Batu 19, di sini, berikutan keadaan parit yang ditumbuhi semak-samun sehingga menyekat laluan air ke sungai.

Penduduk mendakwa keadaan parit di kampung berkenaan terbiar begitu saja tanpa tindakan lanjut daripada pihak berkaitan sejak lebih lapan bulan lalu sehingga terdapat beberapa bahagian tebing parit runtuh akibat tidak mampu menampung kuantiti air yang banyak.

Wakil penduduk, Karim Jaafar, 45, berkata parit tanah tanpa konkrit sepanjang ki-



ra-kira 100 meter itu kini ditumbuhi tumbuhan liar dan menjadi antara punca banjir dua minggu lalu sehingga menyebabkan tiga rumah di

kampung itu ditenggelami air sehingga paras lutut.

"Hujan lebat dalam tempoh sehari menyebabkan parit ini dipenuhi air dan laluan sem-

pit tidak mampu menampung air mengalir sehingga ke Sungai Kampung Panchor yang berada di bahagian belakang kampung.

"Parit ini sudah terbiar lebih lapan bulan lalu dan sebelum ini pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka ada membuat penyelenggaraan membersihkannya.

"Namun pihak berkenaan tidak mendalamkan parit ini, sebaliknya parit menjadi semakin lebar.

"Pihak berkenaan sepatutnya mendalamkan parit ini bagi membolehkannya menampung jumlah air yang banyak ketika hujan lebat," katanya di sini.

Karim yang juga merangkap Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) berkata, pihaknya sebelum ini ada memohon peruntukan supaya menggantikan pembetung yang lebih besar di laluan jalan masuk ke kampung berkenaan, namun sehingga kini ia masih tidak berhasil.

Katanya, pembetung kecil

itu juga tidak mampu untuk memberi laluan apabila air hujan memenuhi parit sehingga pernah menyebabkan jalan masuk ke Kampung Panchor yang menempatkan 180 rumah terputus hubungan.

"Apabila hujan lebat berlarutan parit ini jugalah menampung semua air yang mengalir dari arah Lebuhraya Utara-Selatan. Keadaan parit ini yang tidak diselenggara turut menjadi punca bahagian tebingnya runtuh secara tiba-tiba.

"Jika masalah ini berterusan, hakisan tebing akan bertambah buruk dan menyebabkan air hujan mudah melimpah ke jalan raya di kampung ini," katanya.

Tinjauan ke kampung berkenaan mendapati parit yang terletak kurang dari lima meter dari jalan raya itu hanya dipenuhi tumbuhan liar.